

1 Apakah tujuan firma membuat pilihan apabila mengeluarkan sesuatu keluaran?

- A memaksimumkan kepuasan pengguna
- B mengurangkan masalah pembaziran
- C meminimumkan kos pengeluaran
- D memenuhi kehendak manusia

2 Penerangan yang manakah yang **betul**?

	Faktor Pengeluaran	Keterangan
A	Buruh	Individu yang berperanan menghasilkan output yang maksimum
B	Usahawan	Input yang menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran
C	Modal	Alat ciptaan manusia yang mempunyai mobiliti tinggi
D	Tanah	Sumber yang penawarannya tidak terhad


3 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Bagi memenuhi permintaan pasaran, Syarikat Cahaya membekalkan beg tangan dengan menggunakan 20 orang pekerja tempatan.

Antara yang berikut, masalah apakah yang telah diselesaikan?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 4 Rajah 1 menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) sebuah firma.



Rajah 1


Pernyataan manakah yang berkaitan dengan KKP di atas?

- I Titik F menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan seluar dan baju
 - II Titik B ke C menunjukkan berlaku kos lepas terhadap seluar sebanyak 10 000 unit
 - III Titik ABCD menunjukkan masalah pilihan di sepanjang KKP
 - IV Titik E menunjukkan tingkat kecekapan pengeluaran.
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV

5 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang sistem ekonomi yang dikawal sepenuhnya oleh pihak pemerintah?

- I Kerajaan menentukan penggunaan sumber-sumber ekonomi
 - II Rakyat dapat menikmati pelbagai barang dan perkhidmatan
 - III Wujud persaingan yang saksama dalam pengeluaran
 - IV Kebajikan rakyat diutamakan
-
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

6 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.




Rajah 2

Pernyataan yang manakah **betul** menerangkan rajah di atas ?

- A Pengguna akan meningkatkan kuantiti diminta apabila harga berubah daripada RM10 kepada RM15.
- B Pengguna akan mengurangkan kuantiti diminta apabila harga berubah daripada RM15 kepada RM25.
- C Hubungan antara harga dengan kuantiti yang diminta adalah secara langsung.
- D Kuantiti yang diminta pada harga RM 10 ialah 30 unit.

7 Rajah 3 menunjukkan perubahan kuantiti permintaan suatu barang.




Rajah 3

Antara yang berikut, maklumat manakah yang **betul**.

Pergerakan Titik		Keterangan
A	P ke Q	Kerajaan menurunkan kadar pelepasan cukai pendapatan
B	P ke R	Cita rasa pengguna merosot ke atas barang itu
C	S ke R	Pendapatan boleh guna pengguna meningkat
D	S ke Q	Jangkaan harga akan meningkat

8 Rajah 4 menunjukkan perubahan dalam kuantiti ditawarkan.




Rajah 4

Apakah yang menyebabkan berlaku pergerakan dari Q_0 ke Q_1 ?

- A Kenaikan harga barang itu sendiri
- B Penarikan subsidi oleh kerajaan
- C Berlaku peningkatan teknologi
- D Kenaikan harga barang lain

9 Rajah 5 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran kereta tempatan.




Rajah 5

Tindakan kerajaan yang manakah menyebabkan perubahan tersebut ?

- A Mengurangkan pelepasan cukai pendapatan
- B Melaksanakan kempen perkongsian kereta
- C Menaikkan kadar faedah pinjaman
- D Melonggarkan syarat sewa beli

10 Rajah 6 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Rajah 6

Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut ?

- A 0.44
 - B 0.86
 - C 1.17
 - D 2.25
- 11 Gambar 1 menunjukkan situasi yang berlaku di dalam negara.

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 25 JULAI 2024 HINGGA 31 JULAI 2024	
RON97	RON95
RM3.47/seliter	RM2.05/seliter
DIESEL Semenanjung Malaysia	DIESEL Sabah, Sarawak & Labuan
RM3.35/seliter	RM2.15/seliter

Gambar 1

Apakah fungsi wang yang berkaitan dengan gambar di atas?

- A Alat perantaraan pertukaran
- B Alat bayaran tertunda
- C Alat penyimpan nilai
- D Alat ukuran nilai

12 Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan pembayaran oleh institusi kewangan.

Puan Zaharah adalah seorang Pengurus Bahagian Sumber Manusia di Syarikat Suria Sdn.Bhd. Setiap bulan beliau akan membuat bayaran gaji kepada pekerja syarikat tersebut seramai 1000 orang.
Perkhidmatan bank perdagangan manakah yang sesuai digunakan oleh Puan Zaharah ?

- A Perintah sedia ada
- B Pindahan kredit
- C Debit langsung
- D Draf bank

13 Padanan yang manakah **betul** ?

	Faktor Pemilihan	Situasi
A	Upah	Ammar meninggalkan kerjayanya sebagai jurutera di syarikat pembinaan untuk menjawat jawatan pegawai tadbir di Putrajaya.
B	Kelayakan akademik	Cik Zainab memilih kerja sebagai pramugari syarikat penerbangan walaupun memiliki Diploma Kewangan.
C	Waktu bekerja	Adibah seorang ibu tunggal kepada empat orang anak menjalankan perniagaan batik secara dalam talian.
D	Jaminan kerja	Aqil meletak jawatan sebagai kerani untuk menjalankan perniagaan.

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Puan Malisa bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Zakat	150
Kwsp	200
Insuran	60
Sewa rumah	400
Cukai pendapatan	55

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Malisa?

- A RM 405
B RM 410
C RM 455
D RM 465
- 15 Antara yang berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan penggunaan individu ?
I Membayar premium insurans nyawa
II Membeli mesin pengering baju
III Menjelaskan zakat pendapatan
IV Membuat caruman KWSP

A I dan II

- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Maklumat berikut berkaitan dengan pembelian secara kredit.


Encik Ahmad membeli kereta bernilai RM100 000 secara kredit. Beliau telah membayar bayaran pendahuluan sebanyak 20%. Bakinya di bayar secara ansuran selama 6 tahun. Kadar faedah yang dikenakan oleh bank perdagangan ialah 4% setahun.

Berapakah bayaran ansuran yang perlu dibayar untuk sebulan.

- A RM 1,377.78
- B RM 1,583.33
- C RM 1,516.66
- D RM 1,722.22

17 Maklumat menunjukkan sebahagian langkah penyediaan belanjawan peribadi.

Mencatat semua perbelanjaan tetap, perbelanjaan harian dan perbelanjaan diluar jangka



Apakah langkah R ?

- A Memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna
- B Mengenalpasti punca pendapatan dan potongan wajib

- C Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- D Menabung baki pendapatan boleh guna

18 Pernyataan yang manakah **betul** tentang pengeluaran ?

- A Fungsi pengeluaran jangka pendek merujuk kepada hubungan input tetap dengan output dalam proses pengeluaran
- B Firma berupaya menyesuaikan tingkat keluaran mengikut kehendak pasaran dalam jangka masa pendek
- C Input berubah mempunyai hubungan yang negatif dengan tingkat output
- D Input tetap boleh menjadi input berubah dalam jangka masa Panjang

- 19 Jadual 1 menunjukkan pengeluaran suatu barang.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos purata (RM)
5	20
10	15

Jadual 1

Jika kos tetap ialah RM70, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 10 unit?

- A RM 200
- B RM150
- C RM80
- D RM50

- 20 Syarikat Aman Jaya telah membeli sebidang tanah berhampiran sebuah kampung untuk menempatkan 20 buah lori. Apakah kos sosial yang terlibat?
- A Kesesakan aliran lalu lintas di kampung tersebut
 - B Kenaikan harga tanah di Kawasan sekitar
 - C Pertambahan gaji pengawal keselamatan

- D Belanja operasi syarikat meningkat
- 21 Bagaimanakah pelaksanaan cukai oleh kerajaan dapat mengawal selia pengeluar?
- A Mengawal kadar pencemaran dalam pengeluaran.
B Mengawal kualiti barang yang dikeluarkan.
C Mengawal harga barang yang dijual.
D Mengurangkan modal pengeluar.
- 22 Apakah konsep pengangguran?
- A Tenaga buruh yang aktif mencari kerja dan sanggup bekerja tetapi gagal mendapat pekerjaan.
B Tenaga buruh yang sanggup bekerja dan meningkatkan hasil eksport negara.
C Tenaga buruh yang sanggup bekerja di syarikat swasta.
D Tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan produktif.
- 23 Peningkatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia akan membawa kepada
- I Peningkatan bilangan kakitangan awam.
II Peningkatan taraf pendidikan penduduk.
III Peningkatan kadar pengangguran.
IV Peningkatan infrastruktur fizikal.

- A I dan II
- B II dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Antara yang berikut, yang manakah hasil bukan cukai?

- I Bayaran denda dan penalti
 - II Royalti petroleum
 - III Duti setem
 - IV Tarif
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

25 Pernyataan yang manakah **betul** tentang perbelanjaan mengurus kerajaan?

- A Peningkatan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) kepada golongan sasaran.
- B Penjajaran semula Projek Laluan Rel pantai Timur (ECRL) ke laluan asal.
- C Cadangan pembinaan hospital baharu di daerah Kubang Pasu.
- D Kelulusan pembesaran lapangan terbang Sultan Ismail Petra.

26 Bagaimanakah nisbah rizab berkanun boleh membantu menyelesaikan masalah semasa inflasi?

- A Menyimpan sedikit wang di Bank Pusat.
- B Memberi pinjaman kepada orang ramai.
- C Menurunkan nisbah rizab berkanun.

D Menaikkan nisbah rizab berkanun.

27 Pasangan manakah yang **betul** tentang kesan pelaburan langsung asing kepada negara?

	Kesan	Keterangan
A	Negatif	Jumlah kemasukan modal asing ke dalam negara bertambah.
B	Positif	Aliran untung ke luar negara bertambah.
C	Positif	Meningkatkan kemahiran modal insan.
D	Negatif	Daya saing firma asing meningkat.

28 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Petronas menyewa kapal tangki Jepun untuk mengeksport petroleum ke Korea selatan

Pasangan manakah yang **betul** ?

A	Eksport barang nampak	Import barang tak nampak
B	Eksport barang tak nampak	Import barang nampak
C	Eksport barang nampak	Import barang nampak
D	Eksport barang tak nampak	Import barang tak nampak

29 Apakah cara yang paling berkesan untuk mengehadkan kuantiti barang diimport ?

- A Kawalan pertukaran asing
- B Embargo
- C Kuota

D Tarif

- 30 Antara berikut, yang manakah **betul** tentang imbalan pembayaran ?
- I Contoh pembayaran kewangan ialah firma China membuat pembayaran kepada firma Malaysia.
- II Merekod jumlah nilai penerimaan dan pembayaran kewangan negara dalam setahun.
- III Kemasukan pelancong asing boleh memperbaiki imbalan pembayaran negara.
- IV Penerimaan kewangan dari luar negara direkod sebagai butiran debit.
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 31 Jadual 2 menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Mata wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 USD	3.9690	4.2860

Jadual 2

Berapakah yang perlu dibayar oleh En. Nasir jika belian ingin membeli telefon pintar Iphone 12 Pro yang berharga USD 999 melalui sebuah portal atas talian?

- A RM 4,281.71
 - B RM 3,965.03
 - C RM 251.70
 - D RM 233.08
- 32 Antara beriku, yang manakah menyebabkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia?
- I Syarikat perkapalan Malaysia (MISC) mendapat lebih banyak kontrak pengangkutan daripada firma asing.
 - II Malaysia menjadi destinasi yang semakin diminati pelancong asing.
 - III Malaysia meningkatkan import daging lembu dari Australia.
 - IV Petronas Berhad meningkatkan pelaburan di negara China.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33 Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran 1 Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) pada bulan Jun 2021 berbanding Januari 2021.

Januari 2023	Jun 2023
RM 4.46	RM 4.67

Antara berikut, pasangan yang manakah **betul**?

I	Nilai RM menurun	Harga import lebih mahal
II	Nilai eksport meningkat	Imbangan dagangan positif
III	Nilai RM meningkat	Harga eksport lebih murah
IV	Nilai import menurun	Imbangan dagangan negatif

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III

D III dan IV

Soalan 34 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Faktor pengeluaran boleh dipindahkan dengan mudah adalah anjal.
II Faktor pengeluaran mudah diperolehi adalah tak anjal.

- 35 I Harga barang kehendak ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran.
II Harga barang keperluan biasanya dikawal oleh kerajaan.

- 36 I FOREX tahap risiko tinggi dan mendapat pulangan dalam bentuk sewa.
II Saham berisiko rendah dan mendapat pulangan dalam bentuk dividen.
- 37 I Produktiviti akan meningkatkan nisbah output dengan input.
II Produktiviti akan meningkatkan pendapatan negara.
- 38 I Tukang masak akan memproses bahan mentah kepada barang separuh siap dan barang siap.
II Pekerjaan dalam sektor kedua ialah operator kren berteknologi tinggi.
- 39 I Tenaga kerja yang mahir dan berkebolehan dapat meningkatkan produktiviti.
II Proses membuat keputusan yang rumit boleh meningkatkan produktiviti.
- 40 I Jika nilai RM dijangka meningkat, permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan bertambah pada masa sekarang.
II Permintaan terhadap Ringgit Malaysia berlaku apabila Malaysia mengeksport barang ke negara lain.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT